

**Implikasi Fenomena Childfree terhadap Keseimbangan Generasi:  
Suatu Tinjauan dari Perspektif Islam**

*Implications of the Childfree Phenomenon on Generational Balance:  
A Review from an Islamic Perspective*

Maizatul Aliya Hairunnizam<sup>✉</sup>, Wafaa' binti Yusof  
Research Centre for Sharia, Faculty of Islamic Studies, Universiti Kebangsaan Malaysia, Selangor, Malaysia

**ABSTRAK**

Fenomena *childfree*, iaitu keputusan sukarela pasangan berkahwin untuk tidak memiliki anak, semakin mendapat perhatian dalam masyarakat moden termasuk umat Islam di Malaysia. Pilihan ini sering dikaitkan dengan kebebasan individu, tekanan kewangan, keutamaan kerjaya dan kesetaraan gender. Kajian ini meneliti implikasi fenomena *childfree* terhadap keseimbangan generasi serta kesinambungan keturunan dalam masyarakat Islam, di samping menilai isu ini dari perspektif hukum syariah. Metodologi yang digunakan ialah pendekatan kualitatif berbentuk kajian kepustakaan, melalui analisis terhadap al-Quran, hadis, pandangan fuqaha kontemporari dan literatur akademik, serta disokong temu bual separa struktur bagi mendapatkan pandangan lebih mendalam. Data yang diperoleh dianalisis secara deskriptif dan dihimpunkan mengikut tema-tema tertentu bagi memahami isu secara lebih menyeluruh. Dapatan menunjukkan bahawa amalan *childfree* memberi kesan negatif kepada struktur demografi, khususnya penurunan kadar kelahiran, penguncupan tenaga kerja muda, dan peningkatan beban terhadap sistem sosial. Hal ini sekali gus menimbulkan cabaran kepada pertumbuhan ekonomi serta perancangan pembangunan negara jangka panjang. Dari perspektif syariah, walaupun Islam tidak secara mutlak mengharamkan pilihan ini, keputusan untuk menolok zuriat tanpa sebab syarie dianggap bercanggah dengan *maqāṣid shar'iyah*, terutama aspek penjagaan keturunan (*hiḏ al-naṣl*). Kajian ini mencadangkan agar fenomena *childfree* diteliti secara kritikal dalam kerangka nilai Islam, kerana ia juga bertentangan dengan Agenda 2030 Pembangunan Mampan, khususnya SDG 3 dan SDG 5 yang turut diguna pakai Malaysia.

**KATA KUNCI**

*Childfree, implikasi, keseimbangan generasi, maqāṣid shar'iyah, hiḏ al-naṣl.*

**Article History**

Received: Sept 24, 2025

Revised: Dec 2, 2025

Accepted: Dec 9, 2025

Published: Dec 15, 2025

**✉ Contact**

Maizatul Aliya Hairunnizam  
(Corresponding Author)  
[maizatulaliya05@gmail.com](mailto:maizatulaliya05@gmail.com)

**Citation**

Maizatul Aliya Hairunnizam & Wafaa' binti Yusof. 2025. Implikasi Fenomena Childfree terhadap Keseimbangan Generasi: Suatu Tinjauan dari Perspektif Islam. *Journal of Contemporary Islamic Law*. 10(2): 37-46

**ABSTRACT**

*The childfree phenomenon, defined as the voluntary decision of married couples not to have children, is gaining attention in modern society, including among Muslims in Malaysia. This choice is often linked to individual freedom, financial pressures, career priorities, and gender equality. This study explores its implications on generational balance and lineage continuity in Muslim communities, while assessing the issue from an Islamic legal perspective. Using a qualitative approach through library research, the study analyzes the Qur'an, hadith, contemporary scholars, and academic works, supported by semi-structured interviews for deeper insights. Findings indicate that childfree practices negatively affect demographic structures, notably declining birth rates, reduced young labor forces, and heavier burdens on social systems. These trends pose challenges to economic growth and long-term national development. From a Shariah standpoint, while Islam does not categorically*

**Copyright**

© 2025 by the author(s)



This work is licensed under a Creative Commons Attribution-Non-Commercial 4.0 International License. (<https://creativecommons.org/licenses/by/4.0/>)

*prohibit the practice, rejecting procreation without valid shar'ī reasons contradicts the objectives of Shariah (maqāsid sharī'ah), especially the preservation of lineage (ḥifẓ al-naṣl). The study concludes that the childfree phenomenon should be critically evaluated within the framework of Islamic values, as it also conflicts with the 2030 Agenda for Sustainable Development, particularly SDG 3 and SDG 5 adopted by Malaysia.*

#### KEYWORDS

*Childfree, implications, generational balance, maqāsid shar'īyyah, ḥifẓ al-naṣl.*

### PENGENALAN

Fenomena *childfree*, iaitu keputusan sukarela pasangan yang sudah berkahwin untuk tidak memiliki anak, semakin menonjol dalam masyarakat moden, termasuk dalam kalangan pasangan Muslim di Malaysia. Isu *childfree* memuncak dan hangat diperbahaskan di Malaysia susulan daripada fenomena yang mendapat perhatian umum apabila tular satu video di TikTok pada 2 Jun 2024 yang memaparkan sepasang suami isteri muda dari Malaysia membuat pengakuan terbuka tentang keputusan mereka untuk menjalani kehidupan berumah tangga tanpa anak. Menurut pasangan tersebut, hidup tanpa komitmen terhadap anak membolehkan mereka mencapai ketenangan, bebas daripada tekanan mental, serta memberi fokus sepenuhnya kepada kerjaya dan hubungan peribadi yang stabil. Tidak dinafikan amalan dan pemikiran yang mendokong pemikiran dan amalan *childfree* bukanlah suatu yang baru bagi masyarakat Barat. Namun, isu ini makin menonjol dan diperbahaskan secara terbuka di kebanyakan negara Timur. Contohnya, di Indonesia, kajian dan penulisan berkaitan *childfree* begitu rancak dibicarakan melalui perbahasan akademik dan juga penelitian kajian. Malaysia agak ketinggalan dalam menjejaki secara efektif penulisan amalan dan pemikiran berkaitan *childfree* jika dibandingkan dengan Indonesia.

Pilihan untuk tidak mempunyai anak oleh pasangan suami isteri, sering dikaitkan dengan kebebasan peribadi, kesetaraan gender, pembangunan kerjaya, kesedaran sosial, kos membesarkan anak, serta aspirasi dan pengalaman hidup individu. Fenomena yang dipengaruhi faktor psikologi, ekonomi dan sosial ini mencerminkan perubahan nilai, norma, dan gaya hidup dalam masyarakat moden (Wilda Siti Hawani, Azuhria & Muhammad Ilham 2023; Kharisul Wathoni, Yuli Salis Hijriyani & Alda Ismi Azizah 2023). Walau bagaimanapun, amalan *childfree* memberi kesan signifikan terhadap keseimbangan generasi, struktur demografi, pembangunan sosial, dan ekonomi sesebuah negara. Penurunan kadar kelahiran yang

berterusan boleh menjejaskan populasi produktif, memberi kesan ketara terhadap demografi, kestabilan sosial dan pertumbuhan ekonomi jangka panjang, termasuk penguncupan tenaga kerja muda, peningkatan populasi dan beban warga emas, serta tekanan terhadap sistem kesihatan, pencen, dan kebajikan sosial. (Chairul Majid Nasution & Gusti Rian Saputra 2024; Astro Awani 2024). Pengalaman negara seperti Jepun menunjukkan bahawa kadar kesuburan rendah memberi kesan mendalam kepada pertumbuhan ekonomi, kesejahteraan sosial, dan kestabilan generasi (George 2023; Siti Hawa et al. 2025).

Islam menekankan bahawa perkahwinan bukan sekadar institusi sosial, tetapi juga medium untuk menunaikan *maqāsid shar'īyyah*, khususnya *ḥifẓ al-naṣl* atau penjagaan keturunan. Al-Quran menekankan bahawa memiliki keturunan adalah sebahagian daripada fitrah manusia dan rahmat Ilahi, manakala hadis Nabi Muhammad SAW menganjurkan memperbanyak keturunan sebagai usaha memperkukuh umat Islam. *Childfree* tanpa sebab syarie berpotensi mengganggu kesinambungan generasi, kestabilan keluarga, dan kesejahteraan masyarakat. Anak bukan sahaja pelengkap kebahagiaan keluarga, tetapi juga aset penting dalam pembangunan sosial, ekonomi, dan agama (Ika Siti Maisyaroh 2022; Dita, Takdir, & Rahmawati 2024).

Pandangan ulama kontemporari dan fatwa antarabangsa menegaskan bahawa *childfree* hanya dibenarkan dalam keadaan darurat atau kemudaratan jelas, seperti ancaman kesihatan ibu atau risiko keturunan, manakala penolakan mutlak terhadap anak tanpa alasan syarie dianggap makruh atau haram (Adytia Wirnanda Rizal 2023; Dita, Takdir, & Rahmawati 2024; Jalaludin 2022). Berdasarkan konteks ini, kajian ini bertujuan meneliti implikasi *childfree* terhadap keseimbangan generasi, menilai perspektif Islam terhadap amalan tersebut, dan memahami pandangan ulama kontemporari mengenai sejauh mana *childfree* dibenarkan dalam kalangan pasangan Muslim.

## METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif berbentuk kajian kepustakaan untuk meneliti fenomena *childfree*, iaitu keputusan pasangan suami isteri untuk tidak memiliki anak. Melalui pengumpulan dan analisis pelbagai sumber bertulis, termasuk al-Quran, hadis, fatwa badan berautoriti, jurnal akademik, buku ilmiah, dan laporan kajian terdahulu, kajian ini bertujuan untuk memperoleh pemahaman menyeluruh tentang implikasi *childfree* dari perspektif Islam dan sosial.

Selain itu, kajian ini turut disokong oleh kaedah temu bual separa berstruktur bersama dua orang informan pakar, iaitu pensyarah dalam bidang Syariah dan Undang-undang Islam (R1) serta pensyarah dalam bidang Fiqh dan Usul Fiqh (R2). Kaedah ini bertujuan mendapatkan pandangan mendalam yang dapat melengkapkan analisis kepustakaan, khususnya berkaitan dimensi politik, sosial, dan keagamaan yang timbul daripada fenomena *childfree*. Temu bual dijalankan secara bersemuka dengan tempoh antara 15 hingga 22 minit, dirakam dengan persetujuan responden, dan dianalisis bagi menyokong serta memperkukuh dapatan kajian. Analisis kandungan dalam kajian ini dijalankan menggunakan kaedah deskriptif bagi menghuraikan data secara sistematik berdasarkan sumber-sumber bertulis yang sahih. Pendekatan ini membolehkan kandungan teks difahami, dianalisis dan dirumuskan mengikut keperluan objektif kajian.

## DEFINISI *CHILDFREE*

*Childfree* merujuk kepada keputusan sukarela individu atau pasangan untuk tidak memiliki anak, walaupun mampu dari segi biologi dan kewangan (Wilda Siti Hawani, Azuhria & Muhammad Ilham 2023; Siti Melati, Akhmad Dasuki & Munirah 2023). Istilah ini berasal daripada kata *child* (anak) dan *free* (bebas), bermaksud kebebasan daripada tanggungjawab terhadap anak (Chairul Majid Nasution & Gusti Rian Saputra 2024), dan sering digunakan bagi pasangan berkahwin yang memilih untuk tidak mempunyai keturunan atas faktor peribadi, psikologi, ekonomi, atau budaya (Ajmal Nazirul Mubiin & Tajul Arifin 2023).

Pilihan ini biasanya dibuat secara sedar melalui kesepakatan bersama, dipengaruhi oleh faktor seperti kebimbangan kewangan, tuntutan kerjaya, trauma psikologi, atau pandangan bahawa kebahagiaan rumah tangga tidak bergantung kepada kehadiran anak (Fiqi Halwaini & Wiwin Fauziyah 2023; Kharisul Wathoni, Yuli Salis Hijriyani & Alda Ismi Azizah 2023). Namun, dalam budaya yang menitikberatkan institusi keluarga, keputusan ini sering menerima stigma sosial dan dianggap bertentangan dengan norma serta fitrah manusia (Tiara Hanandita 2022; Chairul Majid Nasution & Gusti Rian Saputra 2024).

Berbeza dengan *childless* iaitu keadaan tidak mempunyai anak akibat faktor di luar kawalan seperti masalah kesuburan manakala *childfree* adalah pilihan sukarela (Paulus Dimas Prabowo & Anggi Malela 2023; Siti Rahmah 2023). Persamaannya hanyalah pada ketiadaan anak dalam kehidupan seseorang atau pasangan.

## SEJARAH DAN ASAL USUL *CHILDFREE*

Fenomena *childfree* telah wujud sejak abad ke-16 di Eropah, apabila sesetengah individu menanggukkan perkahwinan atau memilih untuk tidak mempunyai anak walaupun berada dalam usia matang. Ia mendapat perhatian besar pada abad ke-18, khususnya di Amerika Syarikat, apabila gerakan feminis memperjuangkan hak wanita untuk bebas daripada norma patriarki dan memberi tumpuan kepada pendidikan, kerjaya, serta kemandirian ekonomi (Kharisul Wathoni, Yuli Salis Hijriyani & Alda Ismi Azizah 2023).

Istilah *childfree* mula direkodkan secara rasmi pada tahun 1901 dalam Kamus Merriam-Webster, dan semakin popular pada 1970-an melalui aktivis feminis yang mempromosikan penggunaan kontraseptif dan kebebasan daripada tanggungjawab keibuan. *Organisasi Nasional Non-Parents* di Amerika Syarikat turut memperjuangkan hak pasangan untuk tidak memiliki anak (Putri Setia Ningsih, Faisal & Malahayati 2023).

Pada abad ke-21, pilihan ini semakin diterima, terutama dalam kalangan wanita berkerjaya. Statistik menunjukkan peningkatan wanita *childfree* daripada 2.2% pada 1970-an kepada 6% antara 2004–2010 (Siti Rahmah 2023; Chairul Majid Nasution & Gusti Rian Saputra 2024). Walaupun masih kontroversial di sesetengah budaya, ia kini sering dikaitkan dengan simbol kemodenan dan kemajuan sosial.

## FAKTOR PENDORONG FENOMENA *CHILDFREE*

Fenomena *childfree* didorong oleh pelbagai faktor yang bersifat multidimensi, merangkumi aspek psikologi, ekonomi, peribadi, feminisme, dan alam sekitar. Setiap faktor ini saling berkait dan membentuk justifikasi yang mempengaruhi keputusan individu atau pasangan untuk tidak memiliki anak.

### a. Faktor Psikologi

Aspek psikologi memainkan peranan penting dalam membentuk kecenderungan *childfree*. Individu yang pernah mengalami trauma masa lalu seperti penderaan, pengabaian semasa kecil, atau pengalaman membesar dalam keluarga yang tidak harmoni cenderung untuk mengelakkan risiko mengulangi pengalaman tersebut terhadap anak mereka. Selain itu, ketakutan terhadap kegagalan menjadi ibu bapa yang baik, kebimbangan terhadap tanggungjawab besar

membesarkan anak, serta isu kesihatan mental seperti kemurungan atau kegelisahan kronik mendorong sesetengah pihak untuk memelihara kestabilan emosi dengan memilih untuk tidak memiliki anak (Wilda Siti Hawani, Azuhria & Muhammad Ilham 2023; Kharisul Wathoni, Yuli Salis Hijriyani & Alda Ismi Azizah 2023).

#### b. Faktor Ekonomi

Faktor ekonomi merupakan antara pendorong utama fenomena *childfree*, khususnya di bandar-bandar besar dan negara dengan kos sara hidup yang tinggi. Kenaikan harga barangan asas, perumahan, pendidikan, dan penjagaan kesihatan menjadikan kos membesarkan anak semakin membebankan. Ketidaktentuan ekonomi global serta cabaran mendapatkan pekerjaan stabil mendorong ramai untuk memberi keutamaan kepada kerjaya, pelaburan, dan pencapaian kewangan berbanding tanggungjawab keibubapaan (Siti Nurjanah et al. 2024).

#### c. Faktor Peribadi

Faktor ini berkait rapat dengan aspirasi dan matlamat hidup individu. Keinginan untuk mengejar impian peribadi seperti pendidikan tinggi, pencapaian profesional, pengembaraan, dan penglibatan dalam aktiviti sosial sering menjadikan kehidupan tanpa anak lebih sesuai dengan gaya hidup yang diinginkan. Bagi sesetengah individu, ketiadaan anak membolehkan mereka menikmati kebebasan masa, ruang peribadi yang lebih luas, dan mengurangkan tekanan dalam membuat keputusan hidup (Siti Rahmah 2023; Fiqi Halwaini & Wiwin Fauziyah 2023).

#### d. Faktor Feminisme

Perubahan norma sosial dan pengaruh gerakan feminisme telah merombak persepsi tradisional yang mengaitkan perkahwinan dengan kewajipan melahirkan zuriat. Wanita kini mempunyai lebih banyak kebebasan untuk menentukan peranan mereka dalam keluarga dan masyarakat. Feminisme turut mempersoalkan stereotaip bahawa nilai seorang wanita diukur melalui peranan sebagai ibu, sekali gus membuka ruang bagi pilihan *childfree* menjadi lebih diterima dalam wacana sosial moden (Kharisul Wathoni, Yuli Salis Hijriyani & Alda Ismi Azizah 2023; Leonard Brahmandika 2022).

#### e. Faktor Alam Sekitar

Peningkatan kesedaran terhadap isu alam sekitar dan kelestarian turut mempengaruhi keputusan sesetengah individu untuk tidak memiliki anak. Kebimbangan terhadap perubahan iklim, pencemaran, kekurangan sumber alam, serta kesan negatif pertambahan populasi mendorong sesetengah pihak melihat *childfree* sebagai bentuk tanggungjawab ekologi. Bagi

mereka, mengurangkan kadar kelahiran dilihat sebagai salah satu langkah kecil untuk mengurangkan tekanan terhadap sumber bumi (Ajmal Nazirul Mubiin & Tajul Arifin 2023; Fiqi Halwaini & Wiwin Fauziyah 2023).

## IMPLIKASI *CHILDFREE* TERHADAP KESEIMBANGAN GENERASI

### 1. Struktur Demografi dan Populasi

Fenomena *childfree* dalam kalangan masyarakat moden, khususnya golongan belia, memberi kesan langsung terhadap struktur demografi sesebuah negara. Ia menjadi faktor penting kepada penurunan kadar kelahiran, yang seterusnya mempengaruhi keseimbangan komposisi penduduk antara generasi muda dan warga emas (Chairul Majid Nasution & Gusti Rian Saputra 2024). Apabila bilangan generasi muda yang lahir semakin sedikit, ia menjejaskan kadar penggantian populasi (*replacement rate*) dan mengubah bentuk piramid demografi daripada berbentuk lebar di bahagian bawah kepada mengecil, dengan bahagian atas (populasi tua) semakin melebar.

Perubahan ini memberi kesan jangka panjang kepada kesinambungan generasi. Populasi muda yang semakin mengecil bermakna kadar kemasukan tenaga kerja ke dalam pasaran akan berkurang, manakala populasi warga emas akan terus meningkat (Majlis Keselamatan Negara 2024). Keadaan ini boleh membawa kepada situasi di mana jumlah golongan yang tidak produktif melebihi jumlah golongan produktif, sekali gus menimbulkan tekanan besar kepada sistem sokongan sosial dan ekonomi negara. Fenomena ini berpotensi mencetuskan krisis ekonomi jangka panjang apabila bilangan warga emas yang bergantung kepada negara meningkat, sementara jumlah generasi muda yang tidak produktif turut bertambah.

Statistik semasa menunjukkan tanda-tanda jelas perubahan struktur ini. Pada suku kedua tahun 2024, kadar kelahiran bayi di Malaysia menurun sebanyak 10.2%, dengan hanya 100,732 kelahiran berbanding 112,197 pada tempoh yang sama tahun sebelumnya (Astro Awani 2024). Jumlah kelahiran hidup juga berkurang sebanyak 5.6%, daripada 111,265 pada suku keempat 2023 kepada 105,044 pada 2024. Lebih membimbangkan, *total fertility rate* (TFR) negara telah jatuh daripada 2.1 anak per wanita pada tahun 2010 kepada hanya 1.6 anak pada 2022, iaitu di bawah paras 2.1 anak yang diperlukan untuk mengekalkan kestabilan populasi (Bernama 2025).

Pakar demografi memberi amaran bahawa trend ini akan mempercepat proses penuaan penduduk (*population ageing*). Data Kementerian Kesihatan Malaysia (2024) menunjukkan bahawa penduduk berumur 60 tahun dan ke atas dijangka meningkat daripada 11.1% kepada 15% menjelang tahun 2030, menandakan Malaysia bakal mencapai status negara tua. Dalam konteks ini, fenomena *childfree*

memperkuh trend penuaan populasi kerana ketiadaan kelahiran baharu untuk menampung pengurangan semula jadi akibat kematian.

Pengalaman negara lain menunjukkan bahawa fenomena *childfree* dan kadar kelahiran rendah boleh memberi kesan mendalam kepada struktur demografi. Contohnya, Jepun mencatatkan penurunan kadar kesuburan selama lima tahun berturut-turut kepada hanya 1.3 anak per wanita pada 2023 (George 2023). Peningkatan pasangan *childfree* telah menyebabkan penutupan sekolah akibat kekurangan pelajar, penguncupan tenaga kerja, serta peningkatan populasi warga emas yang memerlukan sokongan kewangan dan penjagaan (Siti Hawa et al. 2025). Pada tahun 2020, 5.64% atau lebih daripada 2.5 juta rakyat Jepun berumur 18–50 tahun memilih untuk tidak mempunyai anak, dan dalam kalangan wanita, kadar ini meningkat daripada 11% pada 2005 kepada 27% pada 2020 iaitu kadar tertinggi di dunia. Jepun kini mempunyai peratusan warga berusia 65 tahun ke atas melebihi 28% dan dijangka mencapai satu pertiga daripada jumlah penduduk menjelang 2050 (Ika Siti Maisyarah 2022). Walaupun kerajaan melaksanakan pelbagai insentif seperti elaun melahirkan, wang saku bulanan, cuti ibu bapa lebih panjang, dan penjagaan kanak-kanak mampu milik (Rahida Aini 2025), langkah-langkah ini belum berjaya memulihkan kadar kesuburan.

Apabila kadar kesuburan terus merosot di seluruh negara maju, struktur demografi mengalami peralihan penuaan yang pesat. Nisbah pesara berbanding penduduk usia bekerja meningkat, memberi tekanan kepada sistem kesihatan, pencen, dan ekonomi. Pada masa ini, kira-kira 10% daripada populasi dunia berusia lebih 65 tahun, tetapi angka ini dijangka berganda kepada 22% menjelang 2050 (George 2023). Fenomena *childfree* bukan sekadar isu peribadi, tetapi juga merupakan faktor utama yang mempercepat penuaan penduduk dan mengubah struktur piramid demografi global.

Anak merupakan aset bangsa yang tidak tergantikan, berperanan sebagai agen perubahan sosial, pertumbuhan ekonomi, dan inovasi teknologi (Ika Siti Maisyarah 2022). Kehilangan generasi muda bermakna hilangnya tonggak pertahanan negara dan agama. Generasi muda yang berkualiti dari segi ilmu dan akhlak adalah penentu masa depan bangsa; jika mereka rosak, maka hancurlah peradaban. *Childfree* dalam konteks ini dilihat sebagai ancaman terhadap kesinambungan tamadun dan pembangunan negara.

Tambahan pula, penurunan populasi usia produktif boleh menimbulkan masalah sumber manusia. Jika trend ini berterusan, negara mungkin bergantung kepada gelombang imigran untuk mengisi kekosongan tenaga kerja, yang berpotensi mengikis identiti dan warisan budaya asal (Jalaludin 2022). Malah, jika kelahiran terus menurun atau dihentikan sepenuhnya, ia boleh membawa kepada kepupusan umat manusia dan kemerosotan peradaban.

Dari perspektif struktur demografi, fenomena *childfree* bukan sekadar isu gaya hidup, tetapi satu

faktor yang mempercepat perubahan bentuk populasi daripada struktur seimbang kepada struktur yang menua. Implikasinya termasuk penurunan daya saing negara, peningkatan beban ekonomi untuk menyara populasi tidak produktif, serta risiko ketidakseimbangan generasi yang boleh mengganggu kestabilan sosial dalam jangka panjang.

## 2. Implikasi Ekonomi dan Sosial

Fenomena *childfree* memberi kesan langsung terhadap kestabilan ekonomi dan kesejahteraan sosial negara. Majlis Keselamatan Negara (2024) menegaskan bahawa penurunan kadar kelahiran yang berpunca daripada peningkatan pasangan *childfree* boleh membawa implikasi jangka panjang yang serius. Antara kesan utama ialah kekurangan tenaga kerja muda dalam sektor kritikal seperti pertahanan dan keselamatan awam, yang memerlukan sumber manusia bertenaga dan berkemahiran tinggi. Pada masa yang sama, peningkatan populasi warga emas akan memberi tekanan besar kepada sistem kesihatan dan kebajikan sosial, memandangkan kos rawatan perubatan dan penjagaan jangka panjang bagi golongan ini adalah tinggi dan berterusan (Siti Hawa et al. 2025). Beban kewangan populasi menua telah pun ketara dalam bajet Kementerian Kesihatan yang meningkat daripada RM36.3 bilion pada tahun 2023 kepada RM41.2 bilion pada tahun 2024, dengan RM5.5 bilion diperuntukkan bagi bekalan perubatan (Rahida Aini 2025).

Fenomena ini juga berisiko mencetuskan ketidakseimbangan demografi antara etnik (Rahida Aini 2025). Ketidakseimbangan ini berpotensi menimbulkan ketegangan sosial dalam jangka panjang, terutamanya jika perbezaan kadar kelahiran antara kumpulan etnik menjadi jurang yang signifikan. Konteks masyarakat majmuk seperti Malaysia menjadikan perbezaan ini bukan sahaja isu demografi, tetapi juga berkait dengan sensitiviti politik, kestabilan sosial, dan keharmonian antara kaum. Hal ini turut ditegaskan oleh Responden 1 yang menekankan bahawa dari sudut politik, kelangsungan bangsa sangat bergantung kepada generasi muda sebagai pewaris. Responden tersebut menyatakan:

*“Dari sudut politik, siapa yang akan meneruskan kelangsungan bangsa? Kalau orang Melayu tidak mempunyai anak, siapa yang akan menyokong dan mengundi pemimpin Melayu? Dalam jangka masa panjang, ini memberi kesan kepada struktur kuasa politik sesebuah negara.” (R1)*

Dari sudut pembangunan sosial dan pendidikan, penurunan kadar kesuburan memberi kesan langsung kepada institusi pendidikan negara (Jawahir, Irma Syarlina & Husna Sarirah 2025). Semakin ramai pasangan memilih untuk tidak mempunyai anak, institusi pendidikan berkemungkinan menghadapi penurunan pendaftaran pelajar dalam jangka masa panjang. Fenomena ini bukan sahaja menjejaskan kelangsungan sekolah-sekolah kecil di kawasan luar bandar, tetapi juga memberi implikasi terhadap

pembangunan tenaga kerja masa depan yang merupakan tunjang kepada pertumbuhan ekonomi negara. Hal ini turut disokong oleh pandangan Responden 1 yang menegaskan bahawa dari sudut masyarakat, jika ramai pasangan memilih untuk tidak memiliki anak, kesinambungan generasi akan terganggu sehingga negara berdepan kekurangan tenaga kerja dan pelapis kepimpinan. Responden tersebut menyatakan:

*“Dari sudut masyarakat, jika ramai pasangan memilih untuk tidak memiliki anak, kesinambungan generasi akan terganggu. Negara akan kekurangan tenaga kerja dan pelapis kepimpinan. Kita boleh lihat contoh negara seperti China yang melaksanakan dasar satu anak—apa yang berlaku ialah ketidakseimbangan demografi dan tekanan sosial yang tinggi pada generasi seterusnya.” (R1)*

Tambahan pula, jumlah penduduk usia produktif yang sedikit pada masa hadapan akan menimbulkan masalah besar dalam sektor tenaga kerja dan kesejahteraan sosial (Muhamad Andrie Irawan 2022). Di beberapa negara, banyak warga emas yang kehidupannya bergantung sepenuhnya kepada negara kerana tiada anak atau keluarga yang mengasuh mereka. Situasi ini meningkatkan beban kewangan kerajaan untuk membiayai penduduk usia tua, sedangkan jumlah penduduk produktif semakin sedikit berbanding mereka yang tidak produktif (Jalaludin 2022). Kadar pertumbuhan penduduk yang terlalu cepat boleh menjadi modal pembangunan dengan menyediakan sumber tenaga kerja yang besar, tetapi ia juga berpotensi menjadi beban apabila bilangan yang perlu ditanggung oleh negara meningkat. Sebaliknya, pertumbuhan penduduk yang terlalu perlahan akibat daripada fenomena *childfree* akan menyebabkan ketidakseimbangan, apabila jumlah penduduk produktif jauh lebih sedikit berbanding penduduk tidak produktif, sekali gus melemahkan potensi ekonomi negara (Ahmad Subhan 2023).

Kekurangan generasi muda akibat fenomena *childfree* menimbulkan cabaran besar kepada kesinambungan generasi produktif (Ika Siti Maisyarah 2022). Keadaan ini dalam jangka panjang akan menambah beban golongan muda yang bekerja untuk menyara populasi warga emas yang semakin meningkat, sekaligus menjejaskan produktiviti negara, pertumbuhan ekonomi, dan keupayaan sistem sosial berfungsi secara mampan (Ahmad Subhan 2023). Justeru, fenomena ini memerlukan perhatian serius daripada pihak pembuat dasar melalui pelaksanaan polisi yang menggalakkan pembentukan keluarga, keseimbangan kerja dan kehidupan, serta sokongan ekonomi kepada pasangan muda.

#### PERSPEKTIF ISLAM TERHADAP FENOMENA *CHILDFREE*

##### 1. Prinsip *Maqāsid Shar‘iyyah – Hifz al-Nasl*

Fenomena *childfree* atau keputusan sukarela untuk tidak memiliki anak menimbulkan perbincangan signifikan dalam kalangan sarjana Islam kontemporari. Islam menekankan bahawa perkahwinan bukan sekadar institusi sosial, tetapi juga merupakan jalan untuk mencapai salah satu *maqāsid shar‘iyyah* yang penting, iaitu penjagaan keturunan (*hifz al-nasl*). Penolakan mutlak terhadap memiliki anak dalam perkahwinan dibimbangi berpotensi menggugat kelestarian institusi keluarga dan merosakkan kesinambungan zuriat yang menjadi asas kekuatan masyarakat Islam (Ika Siti Maisyarah 2022; Dita, Takdir, & Rahmawati 2024; Adytia Wirnanda Rizal 2023).

Al-Quran dengan jelas menyatakan bahawa perkahwinan dan keturunan adalah sebahagian daripada fitrah manusia.

Firman Allah SWT:

وَاللَّهُ جَعَلَ لَكُمْ مِنْ أَنْفُسِكُمْ أَزْوَاجًا وَجَعَلَ لَكُمْ مِنْ  
أَزْوَاجِكُمْ بَيْنًا وَحَفْذَةً وَرَزَقَكُمْ مِنَ الطَّيِّبَاتِ أَفَبِالْبَاطِلِ يُؤْمِنُونَ  
وَبِنِعْمَتِ اللَّهِ هُمْ يَكْفُرُونَ

*Maksudnya: Dan Allah menjadikan bagimu pasangan (suami atau isteri) dari jenis kamu sendiri dan menjadikan anak dan cucu bagimu dari pasanganmu, serta memberimu rezeki dari yang baik. Mengapa mereka beriman kepada yang batil dan mengingkari nikmat Allah? (Surah al-Nahl, 16:72)*

Ayat ini menegaskan bahawa memperoleh keturunan adalah sebahagian daripada sunnatullah dan rahmat Ilahi (Siti Melati, Akhmad Dasuki & Munirah 2023). Oleh itu, menolak anak tanpa alasan syarie dianggap bertentangan dengan fitrah dan tujuan utama perkahwinan dalam Islam.

Nabi Muhammad SAW turut menegaskan ketutamaan memperbanyak keturunan (Dza Himmatin Aliyyah et al. 2024), sabdanya:

تَزَوَّجُوا الْوُدُودَ الْوُلُودَ فَإِنَّهُ مُكَاتِرٌ بِكُمْ الْأُمَّمَ

*Maksudnya: Nikahilah wanita yang bersifat penyayang dan mampu melahirkan anak yang ramai, kerana sesungguhnya aku berbangga dengan umatku (ke atas umat-umat yang lain di akhirat kelak). (Abu Daud, Sunan Abu Daud, Kitab al-Nikah, Bab al-Nahi ‘An Tazwij Man Lam Yalid Mina al-Nisa’i. No 2050)*

Hadis ini menunjukkan bahawa memiliki anak adalah satu bentuk ibadah dan usaha untuk memperkukuh umat Islam. Syariat Islam mensyariatkan perkahwinan sebagai usaha meneruskan keturunan yang sah, menjaga nasab, dan mengelakkan zina. Kehadiran anak dalam keluarga juga memberi makna mendalam seperti menyatukan keluarga, tanda kesuburan, serta penyejuk mata dan pelengkap kebahagiaan (Ika Siti Maisyarah 2022). Anak adalah tonggak kesinambungan keluarga dan masyarakat.

Walaupun *childfree* adalah hak individu, dari sudut *masalah 'ammah* iaitu kepentingan umum, untuk menjamin keberlangsungan generasi penerus bangsa dan negara, pilihan *childfree* perlu dielakkan (Ika Siti Maisyaroh 2022). *Childfree* dibenarkan sekiranya disebabkan faktor kemudharatan atau darurat, seperti ancaman nyawa ibu mengandung atau keadaan negara yang kacau-bilau dari segi sumber asas dan keselamatan. Namun, jika *childfree* dilakukan atas alasan idealisme, trend, atau gaya hidup, ia berpotensi menggugat kepentingan umum yang lebih besar (Ika Siti Maisyaroh 2022).

Secara masalah, lima tujuan syariah yang utama mesti dijaga, termasuklah memelihara keturunan. Jika *childfree* menjadi pilihan tanpa sebab *dharuri* yang memenuhi kategori *dharuriyyat*, maka ia tidak dibenarkan kerana memutus kesinambungan generasi dan bertentangan dengan *maqāsid shar'iyah* (Dita, Takdir, & Rahmawati 2024). Responden 2 turut menyatakan bahawa:

“Jika pasangan itu sihat dan mampu mendapatkan anak, tetapi tetap memilih untuk tidak mempunyai anak tanpa alasan syarie, maka ini merupakan satu bentuk penolakan terhadap hikmah perkahwinan dalam Islam. Dalam situasi sebegini, perbuatan itu boleh dianggap melawan syarak dan berdosa, kerana mereka tidak menjalankan tanggungjawab asas dalam perkahwinan.”(R2)

Secara ringkas, *hifz an-naṣl* dalam *maqāsid shar'iyah* menegaskan pentingnya menjaga keturunan yang sah, mencegah zina, dan memastikan kesinambungan umat manusia. Keputusan untuk tidak memiliki anak harus dipertimbangkan secara matang, dengan mengambil kira maslahat dan mafsadahnyanya demi kelangsungan umat Islam dan masyarakat secara keseluruhan (Nur Devy Aryani 2025).

## 2. Hukum *Childfree*: Pandangan Ulama Kontemporari

### a. Mufti Wilayah Persekutuan

Menurut Mufti Wilayah Persekutuan, keputusan untuk memiliki zuriat adalah hak peribadi pasangan suami isteri dan tidak boleh dipaksa oleh pihak luar. Perancangan anak dibenarkan selagi tidak bercanggah dengan syariat, sama ada untuk menangguhkan kehamilan sementara atau atas alasan tertentu yang dibenarkan. Kaedah seperti pil perancang, ‘azl, atau IUD diharuskan jika dipersetujui kedua-dua pihak dan tidak mendatangkan mudarat. Namun, keputusan untuk tidak memiliki anak tanpa sebarang alasan syarie, walaupun dibolehkan dari segi hak individu, hukumnya makruh kerana menyalahi tujuan perkahwinan dalam Islam yang turut menekankan kesinambungan zuriat (Mufti Wilayah Persekutuan 2024).

Bagi keputusan kekal untuk tidak memiliki anak, syarak hanya membenarkannya jika wujud darurat seperti ancaman kesihatan serius atau masalah biologi yang menghalang kehamilan. Pemandulan kekal dan pengguguran tanpa sebab syarie adalah haram kerana

ia menutup pintu kelahiran dan memutuskan keturunan. Akademi Fiqh Islam Antarabangsa turut mengesahkan larangan ini kecuali dalam keadaan darurat yang memenuhi syarat hukum (Mufti Wilayah Persekutuan 2024).

Walaupun hak memilih *childfree* diiktiraf, Mufti Wilayah mengingatkan bahawa jika fenomena ini menjadi budaya umum, ia berpotensi mengganggu keseimbangan populasi, kestabilan sosial, dan masa depan negara. Penolakan mutlak terhadap anak atas dasar ideologi atau gaya hidup yang menafikan peranan fitrah lelaki dan wanita akan merencatkan kesinambungan generasi dan bertentangan dengan prinsip al-Quran dan *Sunnah*.

### b. Fatwa Darul Ifta' Mesir

Pada 5 Februari 2019, Darul Ifta' Mesir mengeluarkan fatwa bernombor 4713 yang membahas isu kesepakatan suami isteri untuk tidak memiliki anak secara mutlak (Darul Ifta' Mesir 2019). Fatwa tersebut menegaskan bahawa keputusan untuk tidak memiliki anak adalah hak bersama suami isteri dan hanya boleh dibuat melalui kesepakatan kedua-duanya. Keputusan unilateral oleh salah satu pihak tidak dibenarkan, dan hak ini bersifat peribadi, tidak boleh dijadikan dasar larangan umum dalam masyarakat. Walaupun dibolehkan dalam konteks persetujuan peribadi, syariat tetap menganjurkan perkahwinan dan zuriat sebagai fitrah manusia serta tujuan utama perkahwinan. Larangan mutlak mencegah kelahiran pada skala negara tidak dibenarkan kerana akan mengganggu keseimbangan populasi dan kesinambungan generasi, melainkan jika terdapat maslahat yang jelas berdasarkan kajian mendalam (Syah Ghina Rahmi Lubis 2023).

Fatwa ini juga menyatakan bahawa keputusan *childfree* tanpa alasan darurat adalah makruh, manakala jika terdapat sebab syarie seperti ancaman kepada kesihatan ibu atau kebimbangan besar terhadap persekitaran anak, hukumnya harus (mubah). Amalan yang menutup fungsi reproduksi secara kekal seperti pemandulan adalah haram kecuali dalam keadaan darurat dan jika boleh dipulihkan. Kaedah perancangan keluarga yang bersifat sementara seperti ‘azl, pil perancang, atau IUD dibolehkan jika dipersetujui bersama dan tidak mendatangkan mudarat (Adytia Wirnanda Rizal 2023).

Kesimpulannya, fatwa Darul Ifta' menegaskan bahawa walaupun *childfree* boleh dibenarkan atas alasan tertentu, Islam tetap mengutamakan kelangsungan keturunan sebagai asas kekuatan umat. Sebarang peraturan umum yang menghalang kelahiran secara mutlak bercanggah dengan *maqāsid shar'iyah* kerana ia mengancam keseimbangan populasi dan kestabilan sosial. Keputusan untuk tidak memiliki anak perlu menimbang maslahat keluarga dan generasi akan datang, selaras dengan fitrah penciptaan manusia.

### c. Fatwa Darul Ifta' Jordan

Pada 15 November 2020, Darul Ifta' Jordan mengeluarkan fatwa bahawa keputusan untuk hidup secara *childfree* adalah bertentangan dengan tujuan utama perkahwinan dalam Islam, iaitu membina keluarga dan meneruskan keturunan (Darul Ifta' al-Am 2017). Fatwa ini bersandarkan kepada hadis yang menganjurkan umat Islam untuk berkahwin dengan wanita penyayang dan subur agar umat Nabi Muhammad SAW menjadi ramai. Fatwa juga menegaskan bahawa perkahwinan merupakan akad mulia yang disyariatkan oleh Allah SWT dengan tujuan utama membina kemaslahatan bagi hamba-Nya. Salah satu tujuan besar perkahwinan adalah memperbanyak keturunan yang hanya dapat dicapai melalui perkahwinan, di samping mendekatkan diri kepada Allah dan mendapat kecintaan Rasulullah SAW. Oleh itu, kesepakatan antara suami dan isteri untuk tidak memiliki anak dianggap tidak dibenarkan kerana ia bertentangan dengan tujuan dan hikmah perkahwinan itu sendiri (Adytia Wirnanda Rizal 2023). Fatwa ini menjelaskan bahawa persoalan tersebut harus difahami mengikut maksud syariat yang ingin membina keluarga yang dipenuhi kasih sayang dan kelembutan.

Sekiranya alasan yang diberikan untuk tidak memiliki anak adalah kerana kebimbangan terhadap penyakit yang mungkin dialami oleh keturunan, maka fatwa Jordan menyatakan bahawa hal tersebut boleh diusahakan dengan kemajuan teknologi dan perubahan masa kini yang semakin maju (Rossana Farah Abida et al. 2025). Oleh itu, kekhawatiran sebegini tidak boleh dijadikan alasan untuk menolak memiliki anak secara mutlak.

Selain itu, fatwa Darul Ifta' Jordan juga menekankan bahawa penyelesaian isu ini harus dilakukan dengan memperbaiki prinsip dan saling memahami antara suami isteri dengan sikap belas kasihan dan kasih sayang. Prinsip syariat mengutamakan pembentukan keluarga yang harmoni dan penuh kasih. Walaupun terdapat kekhawatiran terhadap penyakit pada keturunan, fatwa ini menegaskan bahawa itu bukan alasan yang sah untuk menolak memiliki anak kerana perkembangan perubahan pada zaman kini membolehkan masalah tersebut diatasi dengan lebih berkesan (Adytia Wirnanda Rizal 2023).

### DAPATAN DAN PERBINCANGAN

Dapatan kajian menunjukkan bahawa fenomena *childfree* memberi implikasi ketara terhadap keseimbangan generasi, struktur demografi, dan pembangunan negara. Pilihan untuk tidak mempunyai anak menyumbang kepada penurunan kadar kelahiran, pengurangan tenaga kerja muda, serta peningkatan populasi warga emas, seterusnya menimbulkan tekanan terhadap ekonomi, kos kesihatan, dan sistem keselamatan sosial. Walaupun di Malaysia fenomena

ini masih pada tahap awal, impaknya jelas dari segi keseimbangan etnik, perancangan pendidikan serta kelangsungan politik dan pelapis kepimpinan. Malah sektor pendidikan berkemungkinan terjejas akibat penurunan bilangan pelajar. Kesemua ini menunjukkan bahawa *childfree* bukan sekadar pilihan individu, tetapi mempunyai implikasi meluas terhadap kemampuan pembangunan negara, keseimbangan generasi, dan kestabilan sosial-politik.

Dari perspektif Islam, amalan *childfree* perlu dinilai melalui prinsip *hifz al-nasl*, iaitu pemeliharaan keturunan sebagai salah satu objektif utama *maqāsid al-sharī'ah*. Penolakan kelahiran tanpa sebab syarie dianggap bertentangan dengan fitrah dan tujuan penyariatkan, kerana zuriat bukan sahaja meneruskan kesinambungan umat, tetapi juga menyokong kestabilan keluarga dan masyarakat. Namun, perancangan keluarga dibenarkan apabila wujud mudarat nyata, seperti risiko kesihatan, ketidakstabilan kewangan, atau faktor sosial yang munasabah. Pandangan ini selaras dengan keputusan fatwa yang menegaskan bahawa *childfree* tanpa alasan syarie adalah makruh, tetapi menjadi harus sekiranya ia dilakukan berdasarkan masalah dan kepentingan sebenar. Oleh itu, amalan *childfree* hanya dibenarkan jika memenuhi syarat syarak, dengan menyeimbangkan hak individu, tanggungjawab keluarga, dan kepentingan masyarakat secara menyeluruh.

### KESIMPULAN DAN CADANGAN

Fenomena *childfree* kini menjadi isu relevan dalam masyarakat moden, bukan sekadar pilihan peribadi, tetapi memberi implikasi luas terhadap keseimbangan generasi, struktur demografi, ekonomi, dan kesejahteraan sosial. Keputusan untuk tidak memiliki anak tanpa alasan syarie berpotensi mempercepat penuaan penduduk, mengurangkan generasi produktif, dan menimbulkan tekanan terhadap sistem sokongan sosial, pendidikan, serta ekonomi negara. Dari perspektif Islam, *childfree* tanpa sebab syarie bertentangan dengan prinsip *hifz al-nasl* kerana menjejaskan kesinambungan keturunan dan tujuan utama perkahwinan, namun ia dibenarkan dalam keadaan darurat seperti ancaman kesihatan atau kemudaratan nyata.

Kajian ini mencadangkan agar pembuat dasar merangka polisi keluarga yang lebih menyeluruh dan menyokong keseimbangan generasi, termasuk melalui program pendidikan, kempen kesedaran dan sokongan sosial kepada pasangan suami isteri. Selain itu, masyarakat dan institusi keluarga juga perlu memainkan peranan proaktif dalam membina kefahaman yang betul mengenai nilai kekeluargaan dalam Islam, agar keputusan individu tidak bercanggah dengan kepentingan umum serta

prinsip syariah dalam pemeliharaan keturunan. Usaha bersepadu ini penting bagi memastikan kesinambungan generasi yang berkualiti dan kemakmuran negara pada masa hadapan.

Selain itu, isu ini turut mempunyai hubungan rapat dengan Matlamat Pembangunan Lestari (SDG). SDG 3 iaitu Kesihatan dan Kesejahteraan menekankan kepentingan kesihatan reproduktif, keseimbangan mental, serta kesejahteraan pasangan dalam membuat keputusan berkaitan kehidupan berkeluarga (United Nations n.d.). Hal ini bermakna pilihan *childfree* perlu dilihat bukan hanya dari sudut ketiadaan anak, tetapi juga kesannya terhadap kesihatan fizikal, psikologi, dan kualiti hidup pasangan. Seterusnya, SDG 5 iaitu Kesamarataan Gender memberi penekanan kepada hak wanita dan lelaki untuk membuat keputusan hidup secara adil tanpa diskriminasi, termasuk dalam menentukan sama ada mahu mempunyai anak atau tidak (United Nations n.d.). Oleh itu adalah penting menilai isu *childfree* melalui kerangka ini, agar pendekatan yang diambil dapat menyeimbangkan hak individu dengan kepentingan masyarakat, sekali gus menjadikannya lebih menyeluruh, lestari, dan selaras dengan nilai Islam serta agenda global.

#### RUJUKAN

- Adytia Wirmanda Rizal. (2023). Pandangan fikih klasik dan kontemporer terhadap praktik *childfree*. Tesis Ijazah Sarjana Muda, Universitas Islam Negeri Jakarta.
- Ahmad Subhan. (2023). *Childfree* dalam perspektif Islam dan implikasinya terhadap aspek ekonomi. *Opinia De Journal*, 3(1), 1–21.
- Ajmal Nazirul Mubiin & Tajul Arifin. (2023). *Childfree* dalam perspektif hukum Islam ditinjau dari hadits riwayat Imam Muslim No. hadits 1631. *Tashdiq: Jurnal Kajian Agama dan Dakwah* 2(1): 91-100.
- Astro Awani. (2024). Kadar kelahiran, kematian menurun: Malaysia makin pantas jadi negara tua? <https://www.astroawani.com/berita-malaysia/kadar-kelahiran-kematian-menurun-malaysia-makin-pantas-jadi-negara-tua-483281> [11 Ogos 2025]
- Bernama. (2025). Kelahiran Hidup Menurun 11.5 Peratus Suku Pertama Tahun ini- DOSM. <https://www.bernama.com/bm/news.php?id=2422719> [11 Ogos 2025]
- Chairul Majid Nasution & Gusti Rian Saputra. (2024). Fenomena *childfree* berdasarkan perspektif hukum Islam progresif, Pancasila dan hak asasi manusia (HAM). *Jurnal Keislaman* 7(1): 66-79.
- Darul Ifta' al-Am. (2017). Al-Imtinā'an al-Injāb Yata'āradh ma'a Muqtaḍayāt 'Aqd. <https://www.aliftaa.jo/research-fatwas/3295> [11 Ogos 2025]
- Darul Ifta' Mesir. (2019). Hukum Ittiqāq al-Zawjayn 'alā 'Adam al-Injāb. <https://daralifta.org/ar/fatwa/details/14993/> [11 Ogos 2025]
- Dita, Takdir, & Rahmawati. (2024). *Childfree* in the perspective of Islamic law (*Childfree* dalam perspektif hukum Islam). *Jurnal Ilmiah Advokasi*, 12(3), 367–378.
- Dza Himmatin Aliyyah, Nur Faizin, Adiska Rahma Maulidia, Ahmad Fadhli Fatonia & Fransisca Puspita Wardania. (2024). *Childfree* dalam perspektif agama Islam dan respon mahasiswa terhadapnya. *Indonesian Journal of Islamic Religious Education* 2(1): 75-84.
- Euis Zakiyyah dan Hisan Mursalin. (2023). Fenomena *Childfree* dalam Perspektif Islam. *Mauriduna Journal of Islamic Studies* 4(2):192-203.
- Fiqi Halwaini & Wiwin Fauziyah. (2023). Anjuran menikah dan memperbanyak keturunan studi hadis atas fenomena *childfree* di masyarakat. *Lathaf: Literasi Tafsir, Hadis dan Filologi* 2(2): 114-125.
- Ika Siti Maisyaroh. (2022). *Childfree* dalam perspektif masalah 'ammah. Tesis Master, Institut Agama Islam Negeri Ponorogo.
- Jalaludin. (2022). Paham *childfree* menurut hukum Islam. Tesis Ijazah Sarjana Muda, Universitas Islam Negeri Jakarta.
- Jawahir Che Mustapha, Irma Syarlina Che Ilias & Husna Sarirah Husin. (2025). Peranan media sosial sebagai pendidikan sosial dalam membentuk persepsi terhadap trend *childfree* di Malaysia. *Jurnal Penyelidikan Pendidikan dan Teknologi Malaysia*, 3(1), 4–16.
- Kementerian Kesihatan Malaysia. (2024). Apakah cabaran yang dihadapi oleh sistem kesihatan negara? <https://www.moh.gov.my/index.php/pages/view/6211> [11 Ogos 2025]
- Kharisul Wathoni, Yuli Salis Hijriyani & Alda Ismi Azizah. (2023). Konsep *childfree* perspektif pendidikan keluarga dalam Islam. *WISDOM: Jurnal Pendidikan Anak Usia Dini* 4(1): 113-126.
- Leonard Brahmndika. (2022). Fenomena *childfree* di kalangan pernikahan masa kini (Tinjauan hukum gereja terhadap kelahiran dan kesejahteraan anak). *Aggiornamento* 3(01): 104-118.
- Majlis Keselamatan Negara. (2024). Tren *Childfree*; Impak Terhadap Keselamatan Negara. <https://www.mkn.gov.my/web/ms/2024/07/01/tren-childfree-impak-terhadap-keselamatan-negara/> [11 Ogos 2025]
- Mufti Wilayah Persekutuan. (2024). Bayan Linnas Siri Ke-297 : *Childfree* by choice menurut perspektif syarak. Portal Rasmi Mufti Wilayah Persekutuan. <https://muftiwp.gov.my/en/artikel/bayan-linnas/5940-bayan-linnas-siri-ke-297-childfree->

- by-choice-menurut-perspektif- syarak [11 Ogos 2025]
- Muhamad Andrie Irawan. (2022). Childfree dalam Perkahwinan Perspektif Teori Masalah Mursalah Asy-Syatibi. Tesis Ijazah Sarjana Muda, Universiti Islam Negeri Jakarta.
- Nur Devy Aryani. (2025). Perkawinan tanpa anak (childfree) menurut hukum keluarga Islam perspektif akademisi Hukum Keluarga Islam Fakultas Syariah IAIN Ponorogo. Ijazah Sarjana Muda, Institut Agama Islam Negeri Ponorogo.
- Paulus Dimas Prabowo & Anggi Malela. (2023). Konsep prokreasi dalam kejadian 1: 26-28 sebagai jawaban terhadap gaya hidup childfree. *Pengarah: Jurnal Teologi Kristen* 5(1): 15-27.
- Putri Setia Ningsih, Faisal & Malahayati. (2023). Childfree in the perspective of Islamic law and community views in Asahan district. *Dusturiyah: Jurnal Hukum Islam, Perundang-undangan dan Pranata Sosial* 13(2): 167-179.
- Rahida Aini Mohd Ismail. (2025). The childfree trend: Regional perspectives, socioeconomic impacts, and policy responses. Penang Institute Monographs No. 28. Penang Institute.
- Rossana Farah Abida, Nabilah Rohadatul Aisyah, Nabila Tussa'banniya & Nur Lailatul Musyafa'ah. (2025). Fatwa of Dar al-Ifta' al-Mishry and Dairah al-Ifta' al 'Am al-Urduniyyah on Childfree in Marriage. *Ma'mal: Jurnal Laboratorium Syariah Dan Hukum*, 7(1), 43–65.
- Shaji George A. (2023). The rise of DINKs: How childfree couples are reshaping economies. *Partners Universal International Research Journal*, 2(4), 95–111.
- Siti Hawa Radin Eksan, Normazaini Salleh, Noor Raudhiah Abu Bakar & Marhaini Abdul Ghani. (2025). Analisis perkahwinan gaya hidup tanpa anak (childfree) menggunakan kaedah kajian literatur sistematik (SLR). *International Journal for Studies on Children, Women, Elderly and Disabled*, 24(Jun), 74–84.
- Siti Melati, Akhmad Dasuki & Munirah. (2023). Kontekstualisasi rahmah dalam Q.S Ar-Rum [30]:21 terhadap pasangan childfree dan childless. *NALAR: Jurnal Peradaban dan Pemikiran Islam* 7(1): 41-63.
- Siti Nurjanah, Agus Hermanto, Rimanto, Sulastri & Habib Ismail. (2024). Analisa strategi generasi sandwich dan dampaknya terhadap gaya hidup chidfree. *Bulletin of Community Engagement* 4(3): 68-79.
- Siti Rahmah. (2023). Studi kritik terhadap pandangan tren childfree menurut pemahaman hadis analisis sosiologi keluarga. *el-Sunnah: Jurnal Kajian Hadis dan Integrasi Ilmu* 4(2): 121-139.
- Syah Ghina Rahmi Lubis. (2023). Childfree pada perkawinan dalam perspektif teori feminisme dan fatwa Darul Ifta Mesir. Tesis Sarjana, Universitas Islam Negeri Jakarta.
- Tiara Hanandita. (2022). Konstruksi masyarakat tentang hidup tanpa anak setelah menikah. *Jurnal Analisa Sosiologi* 11(1): 126-136.
- United Nations. (n.d). The 17 goals. United Nations Sustainable Development. <https://sdgs.un.org/goals> [17 Ogos 2025]
- Wilda Siti Hawani, Azuhria & Muhammad Ilham. (2023). Telaah maqashid Al-syariah fenomena childfree dalam realitas kehidupan sosial. *Indonesian Journal of Shariah and Justice* 3(2): 197-220.

# Journal of Contemporary ISLAMIC LAW

Volume: 10 Issue: 2

ISSN 2976-3916 eISSN: 0127-788X

DECEMBER 2025



**Published by:**  
Research Centre for Sharia, Faculty of Islamic Studies,  
Universiti Kebangsaan Malaysia,  
43600 Bangi, Selangor, Malaysia.  
[www.ukm.my/jcil](http://www.ukm.my/jcil)

eISSN 0127-788X



9 770127 788006

KANDUNGAN / CONTENTS

<b>Hukum Memakan Hamster Menurut Pandangan Empat Mazhab</b> <i>The Ruling on Eating Hamsters According to the Perspectives of the Four Madhhabs</i> Nur Anis Nadhira Azhar, Mohd Izhar Ariff Mohd Kashim & Nik Salida Suhaila Nik Saleh	1-8
<b>Aplikasi Fatwa Kontemporari Terhadap Produk Makanan Moden</b> <i>The Application of Contemporary Fatwas on Modern Food Products</i> Nur Aqila Mohd Zahari, Nur Ain Nabihah Nasharuddin, Mohd Izhar Ariff Mohd Kashim & Nik Salida Suhaila Nik Saleh	9-19
<b>Beli Dahulu Bayar Kemudian (BNPL) Sebagai Wahana Perbelanjaan Patuh Syariah dan Beretika: Satu Tinjauan Literatur</b> <i>Buy Now Pay Later (BNPL) as a Shariah-Compliant and Ethical Spending Mechanism: A Literature Review</i> Nurlailatul Akma Abu Bakar, Ahmad Dahlan Salleh	20-28
<b>الزكاة كأداة استراتيجية لتحقيق التنمية المستدامة في سلطنة عُمان: نحو تكامل اقتصادي واجتماعي مع رؤية عُمان ٢٠٤٠</b> <i>Zakat as a Strategic Tool for Achieving Sustainable Development in the Sultanate of Oman: Towards Economic and Social Integration with Oman Vision 2040</i> Badriya Ahmed Mahmood Al Rawahi, Nurul Ilyana Muhd Adnan & Mohammad Zaini Yahaya	29-36
<b>Implikasi Fenomena Childfree terhadap Keseimbangan Generasi: Suatu Tinjauan dari Perspektif Islam</b> <i>Implications of the Childfree Phenomenon on Generational Balance: A Review from an Islamic Perspective</i> Maizatul Aliya Hairunnizam, Wafaa' binti Yusof	37-46
<b>Impak Jenayah Merempit Menurut Perundangan Sivil dan Perspektif Hukum Islam</b> <i>The Impact of Illegal Street Racing under Civil Law and the Perspective of Islamic Jurisprudence</i> Wan Nur Adlin Sofiya Wan Muhammad Azan & Wafaa' Yusof	47-61
<b>Tahap Pengetahuan Ibu Bapa Terhadap Kesan Trend Sharenting Kepada Kanak-kanak di Lembah Klang, Malaysia</b> <i>Level of Parents' Knowledge on The Impact of Sharenting Trend towards Children in Lembah Klang, Malaysia</i> Abdul Muaz bin Mustaffa & Nurbazla Ismail	62-70
<b>Microcredit Berasaskan Dana Wakaf Tunai</b> <i>Microcredit Based on Cash Waqf Funds</i> Mohammad Zaini Yahaya, Amir Fazlim Jusoh@Yusoff, Muhammad Adib Samsudin	71-82
<b>Harmonising Shariah Principles on Debt Recovery Practices of Islamic Banks with Regulations Related to Authorised Debt Management Agency in Malaysia</b> Uzaimah Ibrahim, Safinar Salleh, Muhammad Zuhaili Muda & Mohammad Hafiz Mohd Zaki	83-91

<b>Inovasi dan Variasi Produk Hibah dalam Perancangan Harta Orang Islam di Malaysia</b> <i>Innovations and Diversification of Hibah Instruments in Islamic Estate Planning in Malaysia</i>	92-103
Nurul Huda Abdullah, Noor Lizza Mohamed Said & Mohd Zamro Muda	
<b>Peruntukan Undang-undang terhadap Kesalahan Persetubuhan Luar Nikah dalam Kalangan Remaja Muslim: Isu dan Cabaran</b> <i>Legal Provisions on Unlawful Sexual Intercourse Among Muslim Adolescents: Issues and Challenges</i>	104-109
Nur Aina Abdulah, Nur Al-Farhain Kamaruzaman, Mashitah Abdul Mutalib, & Nurul Ain Hazram	